



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA  
BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-20716425/6424  
Laman Web: [www.mafhq.mil.my](http://www.mafhq.mil.my)

## KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR**

**20 MAC 2020**

(Dikeluarkan pada jam 8.30 malam)

### **ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) BANTU POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) DALAM PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM menyatakan bahawa ATM sentiasa bersedia sedia bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-Menteri yang diumumkan oleh Menteri Pertahanan pada sesi Sidang Media Khas yang diadakan di Putrajaya hari ini. ATM akan diaturgerakkan membantu PDRM mulai 22 Mac 2020 (Ahad).

Atur gerak ini membolehkan penguatkuasaan PKP dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat mematuhi arahan yang dikeluarkan serta dapat melihat keberkesanan langkah ini melalui kolaborasi dua agensi keselamatan negara. Kerjasama ATM dan PDRM ini juga dilihat sebagai salah satu usaha serius kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID 19. Tambahan, jumlah mereka yang positif dijangkiti wabak ini semakin meningkat dari hari ke hari.

ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan darat, laut dan udara akan membantu PDRM dari segi pelaksanaan rondaan bersama serta penugasan-penugasan lain yang bersesuaian juga dilaksanakan secara bersama di seluruh Malaysia. Kolaborasi ini akan memantapkan lagi penugasan serta kerjasama di antara ATM dan PDRM. Ia juga merupakan antara peranan sekunder ATM ketika waktu aman iaitu membantu pihak berkuasa awam dalam memelihara keamanan negara.

Justeru, orang ramai dinasihatkan agar memberi kerjasama sepenuhnya kepada ATM dan PDRM dalam penguatkuasaan PKP ini agar tidak menimbulkan sebarang permasalahan yang boleh merumitkan keadaan. Jangan menimbulkan sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat palsu yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam.

**-TAMAT-**

**"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**